

15/02/1998

Yaman yakin hubungan dagang meningkat

KUALA LUMPUR: Presiden Yaman, Ali Abdullah Saleh yakin hubungan perdagangan di antara Malaysia dan negaranya akan meningkat selepas lawatan rasmi empat harinya ke negara ini.

"Saya bawa bersama pegawai kanan dan ramai ahli perniagaan yang mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatan mereka di Malaysia," katanya kepada pemberita sebelum berlepas pulang, semalam.

Menurutnya, beberapa perjanjian ditandatangani di antara kedua-dua negara untuk mengukuhkan lagi perdagangan dan hubungan pelaburan yang sedia ada terutama dalam industri minyak, gas dan petroleum di samping meningkatkan pertukaran perdagangan.

Ali berkata, beliau juga mengadakan perbincangan yang berhasil dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai pelbagai isu antarabangsa dan serantau.

Menurutnya, beliau gembira mendapati kedua-dua pihak mempunyai pendirian dan dasar yang sama terutama terhadap pembangunan di Asia Barat.

Malaysia dan Yaman sehingga ini menandatangani 52 perjanjian dagang dan 59 jaminan pelaburan bertujuan meluaskan perdagangan.

(END)